

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017
SOALAN : 46

YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan beban kerja di Hospital Serdang yang merupakan salah satu hospital di bawah KKM yang memberikan perkhidmatan pembedahan jantung yang melibatkan bilangan pesakit yang sangat ramai serta kawasan penyediaan kesihatan yang begitu luas.

Tuan Yang dipertua,

Hospital Serdang terletak di dalam Daerah Sepang dengan anggaran jumlah populasi sebanyak 240,000 orang pada tahun 2015. Hospital ini merupakan sebuah hospital berpakar major yang mempunyai bilangan katil operasi sebanyak 632 katil dengan kadar penggunaan katil sebanyak 90.80% pada tahun 2015. Hospital tersebut menawarkan sebanyak 28

perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran termasuk perkhidmatan pembedahan jantung.

KKM menyedari masalah beban kerja dan kesesakan yang tinggi yang dihadapi oleh Hospital Serdang yang juga menerima pesakit dari luar Daerah Sepang. Buat masa ini, terdapat 4 buah hospital yang terletak dalam lingkungan 10 hingga 20km daripada Hospital Serdang yang turut memberikan perkhidmatan sekunder dan tertier bagi penduduk sekitar. Ini meliputi Hospital Putrajaya, Hospital Kajang, Institut Kanser Negara dan Hospital Ampang.

Beberapa usaha telah diambil bagi mengurangkan beban kerja serta masalah kesesakan di hospital tersebut. Ini meliputi:

1. Pembinaan Hospital Cyberjaya sebagai hospital pakar minor yang mempunyai kapasiti sebanyak 288 katil. Hospital Cyberjaya akan memberikan perkhidmatan sekunder kepada penduduk Daerah Sepang dan sekitarnya.
2. Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak Hospital Kajang dengan kapasiti 266 katil. Ini dijangka dapat mengurangkan rujukan kes Obstetrik dan Ginekologi serta Pediatrik ke Hospital Serdang bagi penduduk sekitar Daerah Hulu Langat yang terletak berhampiran dengan Hospital Serdang.
3. Pembinaan Blok Obstetrik & Neonatologi Hospital Putrajaya dengan kapasiti 56 katil. Selain itu, terdapat perancangan bagi pembinaan Blok

Wanita dan Kanak-kanak Hospital Putrajaya bagi menampung bilangan pesakit wanita dan kanak-kanak dari Daerah Sepang dan sekitarnya.

4. Pembinaan Hospital Universiti Putra Malaysia yang terletak berhampiran dengan lokasi Hospital Serdang. Ini dapat membantu mengurangkan beban kerja dan perkongsian fasiliti turut dapat dilaksanakan di Hospital Serdang.
5. Projek Pusat Jantung Hospital Serdang dengan 262 buah katil sedang dalam fasa awal pelaksanaan bagi peluasan perkhidmatan rawatan jantung yang meliputi komponen pesakit dalam dan pesakit luar, pengimejan diagnostic dan dewan bedah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di fasiliti sedia ada.
6. Perolehan perkhidmatan kardiologi meliputi rawatan angiogram, angioplasty dan pembedahan pintasan jantung secara penyumberan luar (*outsourced*) daripada IJNSB oleh Hospital Serdang juga dilaksanakan. Ini bertujuan membantu mengurangkan jumlah pesakit di dalam senarai menunggu rawatan jantung dan membolehkan pesakit mendapatkan rawatan lebih awal. Kontrak penyumberan luar ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2016 sejumlah RM 8.1 juta dan pada 2017 sejumlah RM15.3 juta, memandangkan terdapat peningkatan ketara di kalangan pesakit jantung yang memerlukan rawatan segera.